

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 AUGUST 2016

MENGAYUH KEMERDEKAAN

Tunku

Um-19/8/2016



ZULKIFLI
JALI

pengarang@utusan.com.my

APABILA berjalan, janganlah sentiasa mendongak ke langit. Pandanglah sesekali ke bawah supaya tidak tersadung akar kayu yang melintang.

Selepas sampai ke seberang, jangan lupa pangkalan tempat mula berkayu.

Kisah perjalanan Malaysia penuh warna-warni. Bermula daripada sebuah negara pertanian berpendapatan rendah semasa penubuhannya, hari ini, hasil perancangan penuh sistematis dan pelaksanaan begitu mapan, kita berjaya muncul sebagai negara perindustrian moden yang berpendapatan sederhana tinggi.

Bertolak dari situ, sekalipun kejayaan telah dicapai bersifat monumental dan amat signifikan, bukanlah alasan yang membenarkan kita untuk berhenti berusaha, berasa puas hati dan berasa selesa.

Apatah lagi mengambil sikap bersimpuh sambil berpeluk tubuh.

Membelek helaian-helaian tarikh, apabila negara mencapai kemerdekaan 59 tahun lalu sehingga Malaysia dibentuk enam tahun kemudiannya, bersama-sama Sabah dan Sarawak, banyak pihak ketika itu, sama ada pemerhati asing, mahupun warga tempatan berasa ragu-ragu.

Mereka mempersoalkan tentang sebuah negara baharu yang negeri-negerinya terpisah dek Laut Cina Selatan, sedang diancam pula pemberontakan komunis, dengan separuh penduduknya hidup di bawah paras kemiskinan, ditambah oleh faktor kemajmukan yang luar biasa rumitnya.

Mungkinkah kata mereka, negara ini mampu untuk kekal utuh sebagai sebuah negara bangsa apatah lagi untuk berjaya?

Ternyata, pencapaian Malaysia selama ini, bertatih dan berjalan



SIR DONALD MCGILLIVRAY dan Lady McGillivray berjalan di landasan Lapangan Terbang Sungai Besi dengan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Rahman dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Khurshiah sebelum menaiki penerbangan ke London pada Ogos 1957. - GAMBAR ARKIB

jatuh untuk mengecap nikmat kejayaan diiringi sebuah takdir yang penuh cabaran. Jika disisir sejarahnya, semacam satu keajaiban di awal usia setahun jagung meraih kemerdekaan. Hakikat yang tersebut tadi ditambah berat pula dengan penerimaan sistem dan falsafah pentadbiran negara berasaskan Demokrasi Berparlimen, Raja Berperlembagaan serta Persekutuan, telah diterima amal secara tuntas oleh kita begitu awal ketika proses pembudayaan masih lagi tidak matang.

Jelas sekali, sebelum merdeka, warga 13 buah negeri yang bersatu membentuk Malaysia tidak pernah berpeluang untuk memilih kerajaan yang akan memerintah sekalipun corak pentadbirannya. Kewujudan mereka hanyalah sebagai rakyat negeri-negeri naungan atau tanah jajahan yang diberi keistimewaan politik terhadap mengikut budi bicara kuasa pemerintah. Pastinya, ini, bukanlah hak politik tulen yang terbit daripada kewarganegaraan sebuah negara merdeka serta berdaulat.

Mengimbas kembali, tarikh kemerdekaan 31 Ogos 1957 hasil

kejayaan rombongan Tunku Abdul Rahman ke London. Wakil-wakil Parti Perikatan berjaya mempengaruhi kerajaan Inggeris yang terpaksa bersetuju dengan tarikh kemerdekaan tersebut apabila dikemukakan ke pejabat Tanah Jajahan di London ketika itu. Inilah kemenangan besar UMNO. Sekali mendayung dua tiga pulau terlansung, sekali membuka pura dua tiga hutang langsi.

Walaupun manifesto parti Perikatan dalam pilihan raya 1955 menekankan bahawa kemerdekaan dalam masa empat tahun, tetapi rekod pencapaian Parti Perikatan berjaya merebut kemerdekaan dalam tempoh dua tahun sahaja. Justeru, apabila Tunku balik dari London, beliau telah diberi sambutan gilang-gemilang di Melaka di hadapan ribuan rakyat bagi mengisytiharkan tarikh kemerdekaan.

Gema pekikan mereka daripada ribuan rakyat tidak dapat ditahan-tahan lagi. Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan lain-lain pemimpin Parti Perikatan turut hadir di atas pentas menyaksikan kemenangan bangsa Melayu menuntut kemerdekaan. Keesokannya di Stadium Merdeka diadakan

upacara penuh istiadat apabila dengan rasminya wakil Baginda Queen, Duke of Kent menyerahkan kuasa dan pemasyhuran kemerdekaan kepada Tunku Abdul Rahman yang mewakili negara dan bangsa menerima haknya semula.

Istiadat tersebut dihadiri sama oleh Yang di-Pertuan Agong, raja-raja dan seluruh pembesar-pembesar Melayu. Sesudah sahaja peristiwa penting itu selesai dengan tidak berlengah-lengah wakil Baginda Queen, Pesuruhjaya Tinggi British dan lain-lain pegawai Inggeris yang berkaitan terus menaiki kapal terbang balik ke London.

Seorang sarjana ekspatriat terkemuka dengan jelas menggambarkan keghairahan kemerdekaan sebagai 'mengharumkan udara Kuala Lumpur dan minda penduduk untuk berhari-hari lamanya' termasuklah pembentukan Kabinet Merdeka Tunku Abdul Rahman yang dinantikan-nantikan pada 10 September 1957.

Langkah ini sebagai simbolik berakhirnya penjajahan mereka, dan menunjukkan negara ini bukan lagi di bawah pengaruh atau mengikut telunjuk British lagi. Tetapi setelah berlalu tempoh masa 59 tahun, banyak perkara yang dilupakan, kalau tidak diulang kaji semula.

Apa yang sewajarnya dilakukan demi survival serta kesejahteraan rakyat terus meningkat lagi terjamin dalam dunia yang amat kompetitif dewasa ini, semua pihak harus melipatgandakan usaha bagi menambah baik daya saing nasional.

Ini boleh diperoleh melalui penggunaan kreativiti, inovasi dan menjulat usaha penciptaan kekayaan baharu berasaskan sifat keusahawanan mandiri. Semua matlamat ini tidak mungkin akan tercapai tanpa wujudnya perpaduan nasional, keamanan, kestabilan dan keharmonian.

Sekarang perahu sudah di air, dayung sudah di tangan, kayuhlah dengan cermat dan hati-hati supaya selamat sampai ke seberang.